

CNS6762

U GB 13-03 00175 BC587

bah

Mahathir - MARA

MARA PERLU DISUSUN SEMULA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata MARA perlu disusun semula bagi meningkatkan prestasinya terutama dalam membantu kaum Bumiputera di bidang ekonomi.

Perdana Menteri menekankan perkara ini dalam pertemuan beliau dengan Pengerusi MARA yang baru Senator Nazri Tan Sri Aziz, yang perlintikannya diumumkan secara rasmi hari ini.

"Saya dah bincang dengan beliau mengenai masa depan MARA dan betapa penting MARA disusun semula supaya dapat memainkan peranan dan tugas MARA sejak awal penubuhannya. Sekarang ini banyak agensi kerajaan tetapi MARA adalah badan pertama yang ditugaskan untuk bantu bumiputera dalam ekonomi.

"Ini harus jadi tujuan MARA dan bukan yang lain," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) kepada pertubuhan anak-anak yatim di Masjid Negara.

Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor, dalam pengumumannya, berkata perlintikan Nazri berkuatkuasa Isnin ini. Beliau menggantikan Tamrin Ghafar yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 15 Jan lepas. -- Lagi

♥13/03/21-15MST

CNS6764

U GB 13-03 00101 BC589

bah

Mahathir -MARA 2 Kuala Lumpur

Dr Yusof juga mengumumkan bahawa butiran terperinci mengenai pentadbiran baru Mara akan dimaklumkan kepada Anggota Majlis Mara tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata Nazri masih terus melapor kepada menteri dan bukannya kepada beliau, seperti yang dilaporkan akhbar.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan menerima salinan laporan yang dihantar kepada menteri.

Nazri, yang turut ditemui pada majlis itu, berkata beliau berharap dapat mengadakan pertemuan dengan menteri Isnin ini.

Beliau enggan mengulas lanjut mengenai perlantikan itu, sekadar menyebut tunggu selepas beliau menemui Dr Yusof. -- Lagi

♥13/03/21-21MST

CNS6775

U GB 13-03 00163 BC592

bah

Mahathir -MARA 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Semasa mengulas laporan akhbar mengenai kemungkinan Pasaran Saham Bumiputera (PSB) ditutup, Perdana Menteri berkata ia sekarang dianggap tidak begitu penting kerana ekonomi kaum Bumiputera sudah meningkat.

Katanya banyak syarikat milik bumiputera kini sudah mampu untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Peranan PSB sudah berkurangan kerana bumiputera kini sudah berkebolehan," tambah beliau.

Bagaimanapun, katanya, PSD akan diteruskan sekiranya kerajaan merasa ia masih diperlukan.

PSB dijangka ditutup ekoran keputusan lima syarikat, besar yang disenaraikan pada pasaran itu mahu meninggalkannya untuk disenaraikan di BSKL.

Kelima-lima syarikat itu ialah SJ Kumpulan Berhad, Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad, Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Berhad, Utusan Melayu Berhad dan MIT Holdings Berhad.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan kepada lapan buah daripada 30 pertubuhan dan rumah anak yatim dari seluruh negara yang disenaraikan untuk menerima sumbangan daripada YPEIM.

Setiap rumah anak yatim menerima RM3,000. -- Bernama

♥13/03/21-46MST